



BENTENG...Lim menunjukkan benteng di Pantai Irama, Bachok ketika pembinaan, baru-baru ini.

METRO 04/10/2006

Benteng konkrit elak hakisan Pantai Irama

BACHOK: Keindahan Pantai Irama di sini, yang diancam hakisan kini terbelah apabila kawasan peranginan itu dibina benteng konkrit bagi menghadapi musim tengkujuh.

Benteng konkrit sepanjang 100 meter di sepanjang pantai itu siap dibina oleh Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) bagi mengelak hakisan yang semakin teruk sejak awal tahun ini.

Pengarah JPS, Lim Chow Hock, berkata benteng 100 meter bernilai RM120,000 itu dibina di sepanjang tempat paling kritikal yang menerima kesan hakisan di pantai berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya akan menambah sepanjang 800 meter benteng konkrit di pantai itu dalam tempoh terdekat bagi mengelak hakisan berlaku lebih teruk.

"Setiap benteng konkrit itu setinggi 1.5 meter dan satu

meter panjang ditanam dan diatur di tepi pantai," katanya.

Menurutnya, setiap tahun kawasan pantai itu terhakis kira-kira empat meter dan jika tidak dihalang ia akan memusnahkan keindahan tempat itu.

Katanya, tujuh kawasan di-kenal pasti di negeri ini yang mengalami hakisan membatikan pantai sepanjang 12 kilometer.

Sementara itu, pengunjung, Mohd Yusof Said, 42, berkata pembinaan benteng konkrit itu wajar bagi mengekal keindahan pantai berkenaan sebelum musnah oleh hakisan.

"Separuh jalan rosak untuk pengguna jalan kaki manakala beberapa gerai makanan terpaksa dipindahkan berikutan kawasan itu dilanda hakisan teruk sejak beberapa tahun lalu.

"Jika pantai itu tidak dibina

benteng, ia akan memberi kesan kepada peniaga," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, pembinaan itu bakal menjadi tarikan orang ramai kerana ia adalah kali pertama yang dibina di negeri ini.

Wan Zainal Wan Abdullah, 28, berkata benteng yang dibina itu dapat mengekalkan keindahan pantai malah menjadi tarikan baru kepada pengunjung seperti di Pantai Teluk Cempedak, Pahang.

Menurutnya, benteng itu juga dapat mengelak pokok rhu daripada tumbang serta mengekalkan kawasan peniaga daripada rosak akibat hakisan.

"Pantai Irama adalah pantai yang masih terselamat daripada hakisan dan kawasan ini seharusnya dijaga dan dibendung sebelum musnah seperti yang berlaku di Pantai Sabak serta Pantai Cahaya Bulan," katanya.